Vadivell a/l G Murugiah lwn Yang Di-Pertua Majlis Daerah Kinta Barat, Batu Gajah

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — SAMAN PEMULA NO 24–676 TAHUN 1992
ABDUL HAMID EMBONG H
17 JULAI 1998

Pengkhidmat Awam *— Penamatan perkhidmatan — Kegagalan memenuhi syarat-syarat perkhidmatan — Penamatan perkhidmatan tanpa diberi peluang untuk didengar — Sama ada penamatan perkhidmatan merupakan pemecatan — Sama ada syarat-syarat perkhidmatan adalah ultra vires dan tidak sah — Prerogatif pengurusan untuk menetapkan syarat-syarat perkhidmatan — Sama ada tuntutan dihalang oleh pembatasan kuasa*

Plaintif mula-mula dilantik sebagai penjual tuak sementara di Jabatan Kastam dan Eksais. Beliau kemudiannya memohon dan telah dilantik untuk jawatan baru sebagai merinyu kesihatan umum dan berkhidmat di bawah defendan pertama. Surat tawaran jawatan bertarikh 21 Oktober 1978 yang dikeluarkan oleh defendan kedua memperuntukkan bahawa plaintif akan berkhidmat di dalam tempoh percubaan, dan dikehendaki lulus suatu peperiksaan diploma dan mendapat kepujian dalam peperiksaan Bahasa Malaysia ('syarat-syarat perkhidmatan tersebut') dalam tempoh satu tahun percubaan. Pada 30 April 1981, plaintif ditamatkan perkhidmatannya sebagai inspektor kesihatan dan diberi jawatan asalnya sebagai penjual tuak atas alasan bahawa beliau gagal memenuhi syarat-syarat perkhidmatan tersebut. Plaintif menuntut deklarasi bahawa penamatan kerjanya sebagai inspektor kesihatan adalah tidak sah dan batal dan mengatakan bahawa: (i) ia telah dipecat tanpa diberi peluang untuk didengar dahulu; ini adalah bertentangan dengan perkara 135(1) dan (2) Perlembagaan Persekutuan; (ii) defendan kedua telah melanggar syarat tawaran kerana gagal memberinya peluang untuk mengikuti kursus diploma tersebut; dan (iii) syarat lulus peperiksaan Bahasa Malaysia dengan kepujian adalah ultra vires dan tidak sah. Defendan sebalikanya menghujahkan bahawa tuntutan plaintif dihalang oleh pembatasan kuasa di bawah s 2 Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 ('Akta 1948') memandangkan saman pemula plaintiff hanya difailkan pada 24 Julai 1992.

Diputuskan, permohonan ditolak dengan kos:

(1) Penamatan perkhidmatan plaintif bukan satu pemecatan dan tatacara di bawah perkara 135(2) Perlembagaan Persekutuan tidak terpakai bagi kes ini (lihat ms 364C–D).

(2) Adalah tanggungjawab plaintif sendiri — dan bukannya defendan pertama — untuk memastikan plaintif mengikuti kursus diploma tersebut dan lulus peperiksaannya. Penetapan syarat-syarat perkhidmatan bagi jawatan yang ditawarkan kepada plaintif adalah satu prerogatif pengurusan yang sah dan tidak ultra vires mana-

mana peraturan. Maka, plaintif adalah terikat kepada syarat-syarat yang dikenakan di bawah kontrak pekerjaannya dengan defendan. Di dalam kes ini, plaintif telah ditamatkan perkhidmatannya berikutan kegagalannya memperolehi kelulusan yang ditetapkan oleh syarat-syarat kontrak pekerjaan yang telah diterima olehnya (lihat ms 353E–F dan 364D–E).

(3) Plaintif terikat kepada had masa yang ditetapkan di bawah s 2 Akta 1948 dan juga s 6 Akta Had Masa 1953. Akibatnya, plaintif telah terbatas oleh had masa dalam membuat tuntutan ini (lihat ms 362A–B dan 364E–F).

[English summary

The plaintiff was initially appointed as a provisional 'tuak' vendor at the Customs and Excise Department. He subsequently applied for and was appointed to a new position as a public health inspector and served under the first defendant. A letter of offer dated 21 October 1978 which was issued by the second defendant stipulated that the plaintiff would have to serve a probationary period, and was required to pass a diploma examination and obtain a distinction in the Bahasa Malaysia examination ('the conditions of service') on a year's trial. On 30 April 1981, the plaintiff's services as a health inspector were terminated and he was reinstated to his original position as a 'tuak' vendor on the grounds that he had failed to comply with the conditions of service. The plaintiff sought a declaration that the termination of his employment as a health inspector was null and void and alleged that: (i) he had been dismissed without first being given the opportunity to be heard; this was contrary to art 135(1) and (2) of the Federal Constitution; (ii) the second defendant had contravened the conditions of offer by failing to provide him the opportunity to enrol for the diploma course; and (iii) the condition to pass the Bahasa Malaysia examination with a distinction was ultra vires and invalid. The defendant instead submitted that the plaintiff was prevented by limitation of power under s 2 of the Public Authorities Protection Act 1948 ('the 1948 Act') since the plaintiff's originating summons had only been filed on 24 July 1992.

Held, dismissing the application with costs:

(1) The termination of the plaintiff's service was not a dismissal and the proceeding under art 135(2) of the Federal Constitution was inapplicable in this case (see p 364C–D).

(2) It was the plaintiff's responsibility — and not the first defendant's — to ensure that he enrolled for the diploma course and passed the examination. The stipulation of the conditions of service for the position offered to the plaintiff was a managerial prerogative which was valid and was not ultra vires any rule. Therefore, the plaintiff was bound by the conditions imposed under his contract of employment with the defendant. In this case, the plaintiff's

services had been terminated following his failure to obtain the result stipulated by the conditions of the contract of employment which he had accepted (see pp 353E–F and 364D–E).

(3) The plaintiff was bound by the limitation period prescribed under s 2 of the 1948 Act and also s 6 of the Limitation Act 1953. Consequently, the plaintiff was restrained by limitation in making this claim (see pp 362A–B and 364E–F).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai pengkhidmat awam secara am, lihat 10 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1996 Reissue) perenggan 1477–1604.

Kes-kes yang dirujuk

Dato Menteri Othman bin Baginda & Anor v Dato Ombi Syed Alwi bin Syed Idrus [1981] 1 MLJ 29 (dirujuk)
Datuk Haji Harun Bin Haji Idris v PP [1977] 2 MLJ 155 (dirujuk)
Government of Malaysia v Lionel [1974] 1 MLJ 3 (dirujuk)
Government of Malaysia & Anor v Jagdis Singh [1987] 2 MLJ 185 (dirujuk)
Haji Ariffin v Government of Pahang [1969] 1 MLJ 6 (dirujuk)
Mahan Singh v Government of Malaysia [1978] 2 MLJ 133 (dirujuk)
Munusamy v Public Services Commissions [1967] 1 MLJ 19 (dirujuk)
PP v Khong Teng Khen & Anor [1976] 2 MLJ 166 (dirujuk)
Quek Chek Yen v Majlis Daerah Kulai [1986] 2 MLJ 290 (dirujuk)
R Rethana v Government of Malaysia & Anor [1984] 2 MLJ 52 (dirujuk)
Sabah Berjaya Sdn Bhd v Director General of Inland Revenue Department & Anor [1996] 5 MLJ 366 (dirujuk)
Tan Tek Seng v Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan & Anor [1996] 1 MLJ 261 (dirujuk)
Teh Guan Teik v Inspector General of Police & Anor [1998] 3 MLJ 137 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Had Masa 1953 s 6
Akta Kerajaan Tempatan 1976 s 16(4)
Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 s 2
Peraturan-peraturan Tribunal Perkhidmatan Awam 1978 peraturan 12
Perlembagaan Persekutuan perkara 8(1), 135(2)
Public Service Tribunal Act 1977
State Public Service Commission Enactment 1959 ss 4, 11

Bachan Singh (*Bachan & Kartar*) untuk pihak plaintif.
Balbir Singh (*AzmanTahir & Co*) untuk pihak defendan pertama.
Mohd Jazamuddin bin Hj Ahmad Nawawi (Penolong Penasihat Undang-Undang Negeri Perak) untuk pihak defendan kedua.

Abdul Hamid Embong H: Melalui saman pemula yang difailkan pada 24 Julai 1992, plaintif telah menuntut deklarasi berikut:

(1) Deklarasi bahawa syarat 2(c)(ii) dalam tawaran jawatan bertarikh 21 Oktober 1978 adalah tidak sah dan batal (null and void), salah di sisi undang-undang, tidak ada sebarang efek dan ultra vires.

(2) Deklarasi bahawa pembuangan dan/atau penamatan perkhidmatan plaintif mulai 30 April 1981 selepas dua tahun enam bulan dari tarikh permulaan tempoh percubaan (satu hingga tiga tahun) dengan tidak memberi peluang kepada plaintif untuk mengikuti kursus latihan yang disyaratkan dalam surat tawaran jawatan perenggan 2(c) bertarikh 21 Oktober 1978 di Institut Kesihatan Umum di Kuala Lumpur untuk memperolehi Diploma of the Royal Society for Promotion of Health adalah tidak sah dan batal, salah di sisi undang-undang dan tidak mempunyai sebarang efek dan ultra vires.

(3) Deklarasi bahawa penurunan pangkat plaintif mulai 1 Mei 1981 dari inspektor kesihatan di Majlis Daerah Kinta Barat, Batu Gajah kepada penjual tuak dalam Jabatan Kastam dan dari penjual tuak ke pekerja am di Jabatan Kerja Raya mulai 1 November 1989 adalah tidak sah dan batal, salah di sisi undang-undang, tidak mempunyai sebarang efek dan ultra vires.

(4) Deklarasi bahawa perkhidmatan plaintif sebelum dan selepas tarikh 30 April 1981 masih berterusan sebagai seorang inspektor kesihatan yang sah di Majlis Daerah Kinta Barat, Batu Gajah dan perkhidmatannya tidak terputus pada bila-bila masa pun.

(5) Deklarasi bahawa plaintif telah dan masih secara sahih berterusan memegang pangkat, designasi dan lantikan sebagai inspektor kesihatan dan berhak untuk menerima semula emolumen, kenaikan gaji tahunan, tunggakan gaji dan penyusunan semula tangga gaji sebagai pegawai inspektor kesihatan yang telah disahkan dalam perkhidmatannya.

(6) Semua perintah berbangkit dan berpatutan untuk memberi efek kepada perintah-perintah yang dipohon.

(7) Ganti rugi untuk pemecahan kontrak jawatan

(8) Faedah

(9) Kos

(10) Relief lanjutan atau relif-relif lain yang mahkamah fikirkan suai manfaat.

Pada 9 Julai 1998, saya telah memutuskan untuk menolak permohonan plaintif dengan kos dan memaklumkan bahawa saya akan memberi alasan bertulis ini.

Fakta kes perlu dilihat dari segi latar belakang perlantikan plaintif ke jawatan-jawatan awam dari mula sehingga ke tarikh pemfailan saman ini, mengikut peristiwa yang telah disusun secara kronologi oleh peguam plaintif dalam hujah bertulisnya.

(1) 1.9.1972 Pada 1 September 1972, plaintif dilantik sebagai penjual tuak sementara pada kali pertamanya. Plaintif bekerja di Jabatan Kastam dan Eksais diRaja, Perak, Ipoh.

A (2) 1.12.1973 Pada 1 Disember 1973, plaintif disahkan dalam jawatan penjual tuak oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Perak, Ipoh.

(3) 1.12.1975 Pada 1 Disember 1975, plaintif diletakkan ke dalam perjawatan berpencen dalam jawatan tersebut.

B (4) 1978 Pada tahun 1978, plaintif telah memohon untuk jawatan baru sebagai merinyu kesihatan umum kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Perak, Ipoh, melalui Ketua Jabatan, Jabatan Kastam dan Eksais di Raja, Perak, Ipoh.

C Kelulusan akademik plaintif, pada masa memohon jawatan merinyu kesihatan umum adalah seperti berikut:

(a) Lulus Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 1969.

(b) Lulus Sijil Tinggi Persekolahan pada tahun 1971.

(c) Lulus Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 1972.

D Lulus Bahasa Malaysia 7s.

(5) 1978 Pada tahun 1978, plaintif telah menghadiri temuduga untuk jawatan merinyu kesihatan umum di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Perak, Ipoh.

(6) 1.7.1978 Pada 1 Julai 1978, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
E Negeri Perak, Ipoh, memberitahu plaintif melalui suratnya, bahawa Suruhanjaya itu telah memilih plaintif untuk dilantik sebagai merinyu kesihatan umum.

(7) 21.10.1978 Pada 21 Oktober 1978, Setiausaha Kerajaan Perak telah mengirimkan surat tawaran jawatan, merinyu kesihatan
F umum kepada plaintif.

Antara syarat-syarat yang terkandung di dalam surat tawaran jawatan itu ialah:

(i) 2(c) Plaintif akan berkhidmat di dalam tempoh percubaan selama 1–3 tahun.

G (ii) 2(c) Plaintif dikehendaki lulus Peperiksaan 'Diploma of the Royal Society for Promotion of Health'.

(iii) 2(c)(i) Plaintif akan dipinjamkan ke pengurus-pengurus tempatan dan akan diserapkan ke dalam
H perkhidmatan pengurus-pengurus tempatan kemudian.

(iv) 2(c)(ii) Plaintif dikehendaki lulus dalam Peperiksaan Bahasa Malaysia dengan mendapat kepujian di peringkat Peperiksaan SPM/MCE di
I dalam tempoh satu (1) tahun percubaan atau kurang daripadanya.

(v) 2(d) Di dalam tempoh perkhidmatan plaintif selanjutnya, notis yang dikehendaki bagi kedua-dua pihak ialah tiga (3) bulan.

(8)	1.11.1978	Pada 1 November 1978, plaintif telah melaporkan diri di Majlis Daerah Batu Gajah sebagai merinyu kesihatan umum.
(9)	19.9.1979	Pada 19 September 1979, plaintif menandatangani Borang Opsyen Lampiran C, Peraturan dan Syarat-Syarat Pertukaran Tetap Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri ke Perkhidmatan Kuasa-Kuasa Tempatan, Majlis Daerah Kinta Barat, Batu Gajah. Jawatankuasa Perlantikan, Tatatertib dan Rayuan mempunyai kuasa di bawah s 16(4) Akta Kerajaan Tempatan 1976 untuk 'melantik, membuang kerja, menurun pangkat dan mengambil tindakan tatatertib ke atas pegawai dan pekerja Majlis'.
(10)	31.3.1980	Pada 31 Mac 1980, Setiausaha Kerajaan Perak telah meluluskan Borang Opsyen plaintif. Pemilihan oleh plaintif untuk berkhidmat di Majlis Daerah Kinta Barat, Batu Gajah dikuatkuasakan pada 1 Mac 1980.
(11)	30.4.1981	Pada 30 April 1981, plaintif ditamatkan perkhidmatannya sebagai inspektor kesihatan di Majlis Daerah Kinta Barat, Batu Gajah.
(12)	1.5.1981	Pada 1 Mei 1981, plaintif telah melaporkan diri di Jabatan Kastam dan Eksais diRaja Perak, Ipoh dan diberi jawatan asalnya sebagai penjual tuak.
(13)	1.11.1989	Pada 1 November 1989, plaintif ditukar ke Jabatan Kerja Raya, Perak, Ipoh sebagai pekerja am apabila Kedai Tuak Kerajaan ditutup di Negeri Perak, dan jawatan penjual tuak dimansuhkan.

Kegagalan plaintif memperolehi diploma

Plaintif telah ditawarkan jawatan merinyu kesihatan umum pada 21 Oktober 1978 oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (iaitu defendan kedua — 'SUK Perak'). Dalam surat tawaran itu (lihat eks B kand 2), beberapa syarat telah ditetapkan oleh SUK Perak, antaranya ialah syarat (c) yang berbunyi:

> Tuan akan berkhidmat di dalam tempoh percubaan selama 1–3 tahun. Sebelum tuan boleh ditimbangkan untuk disahkan di dalam jawatan, tuan dikehendaki lulus peperiksaan yang tersebut di bawah ini, iaitu:
>
> Lulus Peperiksaan 'Diploma of the Royal Society for Promotion of Health'.
>
> (i) Tuan akan dipinjamkan ke pengurus-pengurus tempatan dan akan diserapkan ke dalam perkhidmatan pengurus-pengurus tempatan kemudian.
>
> (ii) Lulus dalam peperiksaan Bahasa Malaysia dengan mendapat kepujian di peringkat peperiksaan SPM/MCE di dalam tempoh satu (1) tahun percubaan atau kurang daripadanya.

Plaintif menyedari syarat-syarat ini dan mengakui hakikat ini dalam afidavit sokongannya (lihat perenggan 3 kand 1).

Berkenaan dengan syarat pertama dalam peranggan (c) surat tawaran, iaitu 'Lulus Peperiksaan Diploma of the Royal Society for the Promotion of Health' ('diploma'), plaintif telah menyatakan bahawa defendan pertama, iaitu Majlis Daerah Kinta Barat, Batu Gajah ('MDKB') telah tidak pernah memberi peluang kepadanya untuk mengikuti kursus itu semasa plaintif berkerja dalam tempoh percubaan di MDKB selama dua tahun enam bulan. Plaintif juga mendakwa bahawa MDKB telah melanggar syarat tawaran dan mendiskriminasinya apabila MDKB gagal menghantarnya menjalani kursus tersebut. MDKB melalui afidavit Yang Di-Pertuanya, Mohd Yussuf bin Yahya (kand 8) menjawab dakwaan ini dengan berkata bahawa tiada sebarang pemecahan kontrak berlaku dan MDKB tidak mengamalkan diskriminasi. Dia juga berkata bahawa kegagalan plaintif untuk disahkan ke dalam jawatannya ialah kerana plaintif telah gagal memperolehi kepujian dalam peperiksaan Bahasa Malaysia di peringkat SPM/MCE, seperti yang diperlukan dalam surat tawaran. Atas sebab itulah plaintif telah tidak dihantar oleh MDKB untuk mengikuti kursus diploma tersebut. Saya tidak nampak merit dalam dakwaan plaintif di sini. Surat tawaran tidak menyatakan bahawa MDKB bertanggungjawab untuk menghantar plaintif mengikuti kursus diploma itu. Syarat (c) dalam surat tawaran hanya menyatakan bahawa plaintif boleh dipertimbangkan untuk disahkan dalam jawatannya jika dia telah lulus peperiksaan diploma tersebut. Pada saya, adalah menjadi tanggungjawab plaintif sendiri — dan bukan sebaliknya tanggungjawab MDKB — untuk mengikuti kursus itu dan lulus peperiksaan diploma tersebut. Ini merupakan pra-syarat bagi plaintif disahkan ke atas jawatan yang disandang olehnya secara percubaan. Syarat dalam surat tawaran kepadanya tidak pernah menyatakan bahawa MDKB perlu menghantar plaintif untuk mengikuti kursus tersebut. Jelas daripada syarat tersebut bahawa beban untuk memperolehi kelulusan tersebut terletak di bahunya sendiri.

Isu syarat 'Kepujian dalam Bahasa Malaysia'

Peguam terpelajar plaintif telah berhujah bahawa syarat lulus peperiksaan Bahasa Malaysia dengan kepujian yang dikenakan ke atas plaintif dalam surat tawaran adalah 'ultra vires' dan oleh itu tidak sah. Sebagai menyokong hujah ini, peguam merujuk kepada eks H, kand 2, iaitu sepucuk surat daripada Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 18 Januari 1990, kepada SUK Perak yang menyatakan bahawa mengikut Skim Perkhidmatan Merinyu Kesihatan Umum yang terpakai pada masa material, syarat ini memerlukan lulus Bahasa Malaysia (iaitu bukan atas tahap kepujian). Plaintif juga telah menampilkan beberapa iklan (eks B, kand 2) bagi jawatan inspektor kesihatan/merinyu kesihatan umum di tempat lain, yang menunjukkan bahawa syarat yang dikenakan ialah 'Lulus Bahasa Malaysia', bagi perlantikan yang dibuat sebelum dan selepas perlantikan plaintif. Walau bagaimanapun, plaintif tidak menunjukkan yang iklan bagi jawatan yang diterima olehnya hanya memerlukan syarat lulus Bahasa Malaysia,

dan bukan kepujian Bahasa Malaysia. Dengan menambah syarat yang terkeluar dari skim perkhidmatan yang berkuatkuasa pada masa itu, hujah peguam plaintif, telah berlaku satu diskriminasi terhadap plaintif dan ini pula menyalahi perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan yang menjamin hak persamaan rakyat. Rujukan dibuat kepada kes autoriti *PP v Khong Teng Khen & Anor* [1976] 2 MLJ 166, *Datuk Haji Harun Bin Haji Idris v PP* [1977] 2 MLJ 155 dan *R Rethana v Government of Malaysia & Anor* [1984] 2 MLJ 52 untuk mengukuhkan hujah ini. Peguam terpelajar MDKB merujuk kepada surat tawaran kepada plaintif dan berhujah bahawa syarat yang dinyatakan dalam surat tawaran tersebut jelas menyebut bahawa kelulusan Bahasa Malaysia di tahap kepujian diperlukan dan plaintif perlu memperolehi kelulusan ini dalam masa satu tahun, dengan tarikh percubaan dilanjutkan kepada tiga tahun jika perlu. Dalam afidavit jawapan SUK Perak yang diikrar oleh Ahmad bin Shafee, iaitu Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Perak ('SPA'), beliau berkata bahawa pengenaan syarat kepujian Bahasa Malaysia adalah dalam bidang kuasa SPA sebagai badan yang melantik pemohon. Deponen ini juga berkata bahawa syarat tersebut telah ditambah sewaktu tawaran jawatan dibuat kepada plaintif, dan bukan ditambah selepas penerimaan jawatan itu oleh plaintif. SUK Perak juga berkata bahawa mereka telah begitu berlembut dan bertimbangrasa terhadap plaintif apabila plaintif diberikan kelonggaran dan perlanjutan tempoh sebanyak dua kali, iaitu sekali dalam tahun 1979 dan sekali lagi dalam tahun 1980 untuk plaintif mendapatkan kelulusan kepujian dalam Bahasa Malaysia tetapi plaintif telah kandas pada kedua-dua tempoh lanjutan itu. Hanya selepas tempoh lanjutan diberi, iaitu pada 9 April 1981, barulah perkhidmatan plaintif ditamatkan dan plaintif dikembalikan ke jawatan asalnya sebagai penjual tuak di Jabatan Kastam dan Eksais, atas arahan dan kelulusan pihak SPA, Perak. SUK Perak telah menafikan dakwaan berlakunya diskriminasi terhadap plaintif.

Mahkamah memutuskan bahawa plaintif sedar dan faham tentang syarat kepujian dalam Bahasa Malaysia ini semasa dia menerima tawaran yang dibuat oleh SUK Perak pada 21 Oktober 1978. Syarat 2(c)(ii) tersebut jelas tertera dalam surat tawaran itu. Walaupun plaintif menyatakan bahawa dia hanya menyedari bahawa syarat ini berbeza dengan syarat yang dikenakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, saya memutuskan bahawa plaintif terikat dengan syarat yang dikenakan kepadanya oleh SUK Perak semasa dia menerima jawatan yang ditawarkan itu. Syarat-syarat yang ditetapkan menjadi syarat terdahulu (condition precedent) perlantikan plaintif ke jawatannya. Mengikut perenggan (g) surat tawaran, plaintif diberi masa satu bulan untuk menerima tawaran dan ini telah dibuat oleh plaintif tanpa apa-apa bantahan terhadap syarat-syarat yang ditetapkan. Malahan, hal ini tidak dinafikan oleh plaintif sendiri. Apa yang dipersoalkan sekarang ialah sama ada syarat kepujian Bahasa Malaysia itu adalah ultra vires.

Persoalan ini pada saya hendaklah dilihat dari sudut kuasa SPA Perak sendiri, sebagai badan yang menpunyai bidang kuasa ke atas pengkhidmat awam dalam perkhidmatan awam di negeri Perak, yang mana kuasa tersebut termasuk kuasa perlantikan, pengesahan dalam jawatan, penempatan dan

A pertukaran seseorang penjawat awam (ss 4 dan 11 State Public Service Commission Enactment 1959). Saya tidak nampak bagaimana penetapan syarat kepujian dalam Bahasa Malaysia yang dikenakan oleh SPA Perak terhadap jawatan yang ditawarkan kepada plaintif itu boleh dikatakan tidak sah atau ultra vires. Penetapan syarat bagi sesuatu jawatan baik awam atau swasta, adalah, dalam pandangan saya, satu prerogatif pihak pengurusan dan tidak seharusnya dipersoalkan, lebih-lebih lagi oleh plaintif di sini yang menyedari dan telah menerima syarat-syarat yang dikenakan ke atasnya. Rujukan plaintif kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 1/ 1981 (SPP 1/81 — di eks E kand 2) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menyokong hujahnya yang penetapan syarat ini adalah ultra vires juga, pada pandangan saya, tidak tepat. SPP 1/1981 tersebut dikeluarkan untuk memberi panduan kepada jabatan-jabatan kerajaan berkenaan beberapa keadaan di mana kelonggaran syarat lulus Bahasa Malaysia boleh diberikan kepada seseorang calon yang ditawarkan jawatan dalam perkhidmatan awam. Surat Pekeliling tersebut tidak menyatakan bahawa syarat kepujian dalam Bahasa Malaysia bagi sesuatu skim perkhidmatan boleh dilonggarkan. Sebaliknya, ditekankan dalam Surat Pekeliling itu bahawa syarat peringkat kelulusan Bahasa Malaysia adalah tertakluk kepada dan ditentukan oleh skim sesuatu perkhidmatan itu sendiri. Seperti yang telah dinyatakan di atas, bagi jawatan yang ditawarkan kepada plaintif ini, SPA Perak telah menetapkan bahawa syarat kepujian Bahasa Malaysia adalah diperlukan. Oleh itu, plaintif adalah terikat kepada syarat tersebut itu. Lagipun, SPP 1/1981 hanya berkuatkuasa pada tarikh keluarnya, iaitu 25 September 1981, dan kelonggaran yang diberi olehnya, tidak terpakai kepada plaintif, yang telah ditawarkan jawatannya pada 21 Oktober 1978. Plaintif juga telah membuat rayuan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam ('JPA') atas isu kesilapan syarat ini, dan JPA dalam jawapannya kepada ketua jabatan plaintif pada masa itu, melalui surat JPA bertarikh 13 April 1990 (lihat eks AS-1 di kand 9) telah menolak rayuannya. Perenggan kedua surat tersebut kini dipetik untuk menunjukkan pendirian JPA atas persoalan ini:

> Berhubung dengan perkara tersebut, jabatan ini telah mengkaji rayuan En Vadivell a/l Murugiah dan mendapati tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Perak adalah teratur selaras dengan syarat-syarat perlantikan yang ditetapkan. Di bawah Perintah-Perintah Am Bab 'A' (perkara 11), urusan pengambilan dan perlantikan, Suruhanjaya boleh mengarahkan Ketua Jabatan, dalam hal ini Setiausaha Kerajaan Negeri Perak membuat tawaran kepada calon yang berjaya dan juga meletakkan syarat-syarat lain yang perlu ditegaskan di dalam surat tawaran berkenaan.

Sebagai kesimpulan, saya mendapati bahawa hujah peguam plaintif yang SUK Perak telah bertindak secara ultra vires dalam mengenakan syarat kepujian Bahasa Malaysia tidak mempunyai merit. Saya juga memutuskan bahawa plaintif telah gagal membuktikan yang jawatannya memerlukan syarat hanya lulus Bahasa Malaysia. Oleh itu, plaintif terikat dengan syarat kepujian Bahasa Malaysia apabila dia menerima tawaran atas syarat tersebut. Saya juga tidak menerima hujah bahawa telah berlakunya perlanggaran perlindungan seseorang di bawah perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 8(1) tersebut tidak terpakai kepada kes ini. Autoriti-autoriti yang dikemukakan oleh peguam plaintif, walaupun tepat, juga tidak terpakai dalam keadaan kes ini. Dakwaan bahawa telah berlakunya diskriminasi terhadap plaintif juga tidak terbukti. Beban pembuktian dakwaan ini terletak kepada plaintif, dan dia telah gagal menunjukkan sebarang bukti. Di sisi undang-undang, andaian boleh dibuat bahawa pihak pentadbiran menjalankan kuasanya dengan niat baik (lihat *Government of Malaysia & Anor v Jagdis Singh* [1987] 2 MLJ 185).

Sama ada penamatan perkhidmatan plaintif menjadi satu pemecatan atau pembuangan kerja

Pada 30 April 1981, perkhidmatan plaintif sebagai merinyu kesihatan umum telah ditamatkan dan dia diarahkan kembali ke jawatan asalnya sebagai penjual tuak di Jabatan Kastam dan Eksais diRaja Perak. Tindakan ini diambil oleh pihak MDKB atas arahan SUK Perak setelah plaintif gagal memperolehi syarat kepujian dalam Bahasa Malaysia untuk disahkan ke jawatan yang disandang olehnya.

Peguam terpelajar plaintif berhujah bahawa plaintif sepatutnya diberi peluang untuk didengar dahulu sebelum perkhidmatannya ditamatkan oleh kerana penamatan perkhidmatannya berunsurkan satu hukuman dan dia boleh dianggap sebagai telah dipecat kerja. Kegagalan memberinya peluang untuk didengar dahulu, hujah peguam, menjadikan tindakan itu tidak sah dan menyalahi undang-undang. Peguam plaintif merujuk kepada autoriti kes *Mahan Singh v Government of Malaysia* [1978] 2 MLJ 133, *Munusamy v Public Services Commissions* [1967] 1 MLJ 199 dan *Tan Tek Seng v Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan & Anor* [1996] 1 MLJ 261 sebagai menyokong hujah ini. Rujukan juga dibuat oleh peguam plaintif kepada perkara 135(1) dan (2) Perlembagaan Persekutuan, yang memperuntukkan bahawa seseorang anggota perkhidmatan awam tidak boleh dipecat atau diturunkan pangkat tanpa diberi peluang munasabah untuk didengar. Peguam juga merujuk kepada s 16(4) Akta Kerajaan Tempatan 1976, yang membekalkan peruntukan seumpama perkara 135(2) Perlembagaan, iaitu, hak seseorang pegawai diberikan peluang untuk didengar sebelum diturunkan pangkat atau dibuang kerja. Bagi pihak defendan, telah dihujahkan bahawa tiada pemecatan jawatan berlaku akan tetapi plaintif dihantar kembali ke jawatan asalnya sebagai penjual tuak atas dasar semata-mata bahawa dia telah gagal memperolehi kelayakan yang disyaratkan untuk disahkan ke atas jawatannya. Sebagai hujah tambahan terhadap isu itu, peguam terpelajar plaintif juga menyoal kesahihan tindakan SUK Perak, iaitu defendan kedua, menamatkan perkhidmatan plaintif. Peguam berhujah bahawa sepatutnya tindakan tersebut dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib MDKB, sebagai badan yang mempunyai autoriti tunggal ke atas pekerja-pekerjanya, termasuk plaintif. Atas sebab ini juga, kata peguam, tindakan penamatan jawatan plaintif adalah tidak sah dan ultra vires. Yang Di-Pertua MDKB, dalam afidavit jawapannya berkata bahawa memang benar bahawa perkara ini tidak dirujukkan untuk keputusan Jawatankuasa Tatatertib, sebab plaintif tidak

A melakukan sebarang kesalahan atau melanggar disiplin. Katanya, plaintif ditamatkan perkhidmatannya semata-mata kerana dia tidak layak menyandang jawatan itu.

Dengan hormatnya, saya fikir pendekatan yang diambil oleh peguam terpelajar plaintif atas persoalan ini adalah silap. Pertama, adalah jelas B daripada surat 30 April 1981 (eks 'L' kand 2) bahawa penamatan jawatan plaintif telah dibuat oleh MDKB, dan bukan kuasa yang lain. Kedua, saya bersetuju bahawa Jawatankuasa Tatatertib MDKB tidak perlu bertindak terhadap plaintif. Fakta menunjukkan bahawa plaintif tidak dibuang kerja atau dipecat dari jawatannya dalam ertikata bahawa dia telah melakukan kesalahan atau melanggar disiplin jabatan. Dia tidak dikenakan hukuman C atau apa-apa penalti. Oleh itu, keputusan oleh Jawatankuasa Tatatertib tidak diperlukan untuk menamatkan perkhidmatan plaintif. Pada saya, tindakan secara pentadbiran yang telah diambil terhadap plaintif adalah memadai dalam keadaan semasa itu, dan tidak menyalahi undang-undang atau prosedur MDKB. Dalam kata lain, tidak timbul soal ultra vires dalam D penamatan perkhidmatan plaintif.

Persoalan kedua yang dikemukakan atas isu penamatan yang didakwa ultra vires ini ialah sama ada plaintif terlindung di bawah perkara 135 Perlembagaan Persekutuan. Hujah peguam plaintif, yang perlu diulangi, ialah penamatan perkhidmatan plaintif merupakan satu pemecatan kerjanya dan tertakluk kepada haknya untuk didengar di bawah perkara 135(2) E Perlembagaan. Peguam-peguam defendan pula menafikan bahawa pemecatan berlaku dan berhujah bahawa penamatan perkhidmatan plaintif adalah mengikut peraturan biasa dalam perkhidmatan awam dan tidak mengandungi apa-apa unsur penalti atau hukuman.

Perbezaan antara penamatan perkhidmatan dan pemecatan seseorang F pekerja awam perlu dibuat untuk memutuskan isu ini. Dalam pandangan saya, perkataan 'pemecatan' yang terdapat dalam perkara 135 Perlembagaan, adalah satu perkataan istimewa yang bermaksud bahawa seseorang pegawai awam telah melakukan sesuatu kesalahan, sama ada berbentuk jenayah atau pelanggaran disiplin yang telah ditetapkan oleh G peraturan perkhidmatan. Pemecatan atau pembuangan kerja itu membawa bersamanya unsur penalti atau hukuman. Apa yang berlaku kepada plaintif, seperti yang telah mahkamah ini putuskan, ialah dia telah ditamatkan perkhidmatannya atas alasan yang, pada saya, tidak merosakkan nama baiknya. Oleh itu, tidak berlaku pemecatan dari segi maksud perkataan istimewa ini di bawah perkara 135 Perlembagaan. Penamatan perkhidmatan H plaintif, mengikut fakta kes, adalah semata-mata akibat daripada satu kontrak antaranya dengan SUK Perak. Tindakan itu tidak, pada saya, mengandungi unsur hukuman. Kontrak tersebut telah membekalkan beberapa syarat terdahulu yang perlu diperolehi oleh plaintif sebelum dia dapat disahkan ke atas jawatan yang ditawarkan. Memang menjadi amalan biasa, yang boleh diterima oleh mahkamah, bahawa pihak majikan boleh I menamatkan seseorang itu daripada memegang jawatannya jika dia gagal memperolehi syarat kelayakan yang telah ditetapkan dan, seperti yang telah dinyatakan di atas, ini adalah prerogatif pengurusan yang perlu

diakui oleh mahkamah ini. Jika prerogatif pengurusan ini tidak diiktirafkan, maka akan berlaku keadaan yang tidak adil kepada mana-mana majikan yang, walaupun dibolehkan menetapkan sesuatu syarat kelayakan bagi sesuatu jawatan yang ditawarkan, tidak boleh menamatkan jawatan seseorang pekerja yang gagal memperolehi syarat kelayakan tersebut. Dalam kes di hadapan saya ini, jelas sekali bahawa plaintif telah memungkiri syarat yang telah diterima olehnya mengikut kontraknya dengan SUK Perak.

Dalam kes *Munusamy*, perayu telah dilantik sebagai penolong pegawai pasport percubaan dan telah ditamatkan jawatannya tanpa diberi peluang untuk didengar, dan dikembalikan ke jawatan asalnya sebagai pegawai imigresen. Majlis Privy telah memutuskan bahawa plaintif telah tidak mengalami satu pemecatan atau penurunan pangkat melalui satu hukuman. Majlis Privy juga menasihatkan bahawa dua ujian perlu diambilkira untuk menentukan sama ada satu pemecatan, dalam ertikata perkara 135 Perlembagaan telah berlaku dan saya petik ulasan Lord Hodson (di ms 202D):

> There is no question of dismissal from the service in this case which must, if the appellant is to succeed, be a case of a reduction in rank. In India, it has been held in [*Parshotam Lal Dhingra v Union of India* [1958] SCR 828] that a reduction in rank must be a punishment if it carries penal consequences with it and the two tests to be applied are: (1) whether the servant has a right to the post or the rank; or (2) whether evil consequences such as forfeiture of pay or allowances, loss of seniority in his substantive rank, stoppage or postponement of future chances of promotion follow as a result of the order. Applying these tests to this case, there has been no reduction of rank enabling the appellant to rely on the provisions of art 135(2) of the Constitution and so obtain a hearing for the reason that the action of the respondent cannot be characterized as being by way of punishment.

Tambah Yang Arif Hakim tersebut lagi (di ms 202G):

> The letter of appointment is not wholly clear in its terms but their Lordships are of opinion that the appellant was in any event appointed to the rank of assistant passport officer only as a probationer so that he could be reverted to his substantive rank of immigration officer, without the question of reduction of rank arising for consideration, notwithstanding the statement in the letter that subject to his work and conduct being satisfactory, he would be eligible for confirmation in his appointment at the end of the period. 'Eligible for' is not equivalent to 'entitled to' and means no more than 'fit to be chosen for'.

Kes itu telah memutuskan bahawa responden, dalam menamatkan perkhidmatan perayu hanya melaksanakan satu tindakan pentadbiran mengikut kuasa budi bicaranya.

Begitu juga dalam kes ini di mana syarat (c) jelas menyatakan, dan saya ulangi (dengan penekanan) untuk memudahkan rujukan:

> Tuan akan berkhidmat *di dalam percubaan* selama 1–3 tahun. Sebelum tuan boleh *dipertimbangkan* untuk disahkan di dalam jawatan, tuan dikehendaki lulus peperiksaan yang tersebut di bawah ini, iaitu: ... .

Amat jelas dari surat tawaran ini bahawa plaintif tidak berhak untuk disahkan ke atas jawatan yang disandang olehnya melainkan dia telah memperolehi kelulusan yang ditetapkan.

Oleh itu, mahkamah memutuskan bahawa ada perbezaan di antara 'pemecatan atau buang kerja' dengan 'penamatan perkhidmatan' mengikut terma-terma kontrak pekerjaan. Penamatan perkhidmatan, seperti yang diambil terhadap plaintif di sini adalah terkeluar daripada perlindungan di bawah perkara 135(2) Perlembagaan Persekutuan.

Dalam kes *Haji Ariffin v Government of Pahang* [1969] 1 MLJ 6, plaintif, seorang kadi telah memohon perisytiharan deklarasi bahawa penamatan kerjanya adalah tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan. Plaintif telah dilantik sebagai kadi pada 16 Mac 1956 dan dikehendaki menjalani tempoh percubaan selama 12 bulan. Perkhidmatannya boleh ditamatkan dengan notis satu bulan oleh kedua-dua pihak. Semasa menjalankan tugasnya sebagai Kadi, Rompin, plaintif telah terlibat dalam satu penyelewengan tatacara tentang kutipan zakat dan pada 23 September 1963 telah ditamatkan perkhidmatannya oleh Ketua Jabatan Hal Ehwal Agama Pahang dengan diberi notis bertulis tiga bulan. Plaintif telah tidak diberi peluang untuk didengar apabila tindakan tersebut diambil terhadapnya. Di Mahkamah Tinggi, Raja Azlan Shah H (Paduka Seri ketika itu) memutuskan bahawa perkhidmatan plaintif sebagai kadi telah ditamatkan dengan sah dan peluang untuk dia didengar mengikut perkara 135 Perlembagaan adalah tidak perlu. Yang Arif berkata (di ms 10D):

> ... If the Government servant is appointed to a post, permanent or temporary, on the express condition or term that the employment will be terminated on one month's notice on either side, then the Government may at any time terminate his service by serving the requisite notice.

dan seterusnya berkata (di ms 10E):

> ... It may well be that in certain cases, misconduct, inefficiency, or other disqualification is the motive which influences the Government to take action under the terms of the contract, but as long as the termination is founded on the right flowing from the contract then prima facie the termination is not a punishment within the meaning of art 135(2). The motive which sets the Government machinery in motion is irrelevant.

Mahkamah Persekutuan bersetuju dengan keputusan itu dan Suffian HMP (ketika itu), bagi pihak Mahkamah Persekutuan telah berkata (di ms 17G):

> ... While it is true that the kathi whose service is terminated under such a contract has lost a steady job, the termination does not involve a penalty or punishment so as to make it a dismissal within the meaning of art 135(2) of the Constitution and it is not, therefore, necessary first to give him a reasonable opportunity of being heard. Dismissal as used in the public service is not any termination of servive — it has a special meaning and involves a penalty or punishment.

Perbezaan antara pemecatan dan penamatan perkhidmatan ini juga telah diulas oleh Majlis Privy, dalam kes *Government of Malaysia v Lionel* [1974]

1 MLJ 3, di mana perayu, seorang kerani jurubahasa sementara polis telah ditamatkan perkhidmatannya selepas prosiding disiplin diambil terhadapnya oleh Ketua Polis Negeri Johor. Perayu telah memohon deklarasi bahawa penamatan perkhidmatannya dianggap sebagai satu pemecatan yang tidak sah oleh kerana ia telah dilakukan oleh Ketua Polis Negeri Johor dan bukan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Majlis Privy menolak tuntutan perayu dan berkata (per Viscount Dilhorne) (di ms 5G):

> ... Under the laws of Malaysia, a similar distinction between dismissal and termination of services appears to exist and in their Lordship's opinion there is nothing in the Constitution which affects the right of the Government to terminate employment in accordance with the terms of the engagement.

dan seterusnya memberi nasihat berikut (di ms 5B):

> In their Lordships' opinion Syed Othman J was right to distinguish between dismissal and termination of services in accordance with the terms of the engagement; and right in holding that the respondent had not been dismissed but had had his services validly terminated.

Kes *Mahan Singh v Government of Malaysia* [1978] 2 MLJ 133, juga keputusan Majlis Privy, yang telah dirujuk oleh peguam terpelajar plaintif, pada saya, dapat dibezakan faktanya daripada kes ini dan autoriti yang telah dirujuk di atas. Dalam *Mahan Singh*, perayu ialah seorang penterjemah Punjabi dalam perkhidmatan tetap yang telah dibersarakan atas kepentingan awam tanpa diberi peluang munasabah untuk didengar. Majlis Privy memutuskan bahawa kepincangan ini mengakibat penamatan perkhidmatan perayu sebagai tidak sah di bawah perkara 135(2) Perlembagaan Persekutuan. Perayu adalah pegawai tetap perkhidmatan awam dan oleh itu perkara 135(2) Perlembagaan adalah terpakai kepadanya. Perkara 135(2) melindungi seseorang anggota perkhidmatan awam yang disenaraikan dalam perkara 132(1) Perlembagaan. Walaupun perkataan 'anggota' tidak ditakrifkan dalam Perlembagaan Persekutuan, bagi saya, ia bermaksud seseorang pegawai awam di dalam perkhidmatan awam. Kedudukan plaintif dalam kes di hadapan saya ini adalah berbeza dengan perayu dalam kes *Mahan Singh*, kerana plaintif masih bertaraf 'dalam percubaan' dan tertakluk kepada syarat-syarat perlantikannya. Pertalian plaintif dengan defendan berlandaskan semata-mata atas kontrak perkhidmatannya, dan oleh itu, tidak termasuk ke dalam skop perlindungan yang dibekalkan di bawah perkara 135(2) Perlembagaan. Dalam kes Mahkamah Agung, *Quek Chek Yen v Majlis Daerah Kulai* [1986] 2 MLJ 290, perayu telah berkhidmat dengan responden selama 19 tahun tetapi tiada bukti yang dia disahkan ke jawatan tetap. Hashim Yeop A Sani HMA (semasa itu) bagi pihak Mahkamah Agung berkata (di ms 292F):

> ... In our view the relationship between the appellant and the Kulai Local Council in this case was solely contractual. In the absence of any other evidence, the implied term of the contract was that the employment could be terminated by giving reasonable notice.

Dan dalam pandangan saya, dalam kontrak dengan plaintif ini, pihak SUK Perak boleh menentukan syarat-syarat khusus dan tidak terikat kepada syarat-syarat yang berlainan yang digunakan oleh pihak-pihak berkuasa tempatan yang lain daripada MDKB.

Tuntutan plaintif disekat oleh pembatasan masa

Peguam-peguam terpelajar kedua-dua defendan telah berhujah bahawa tuntutan plaintif terhalang dengan pembatasan masa dan merujuk kepada s 2 Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 ('Akta 1948'), yang menghalang apa-apa tindakan terhadap MDKB, jika prosiding terhadapnya tidak diambil dalam masa 36 bulan selepas tindakan penamatan perkhidmatan plaintif, iaitu pada 30 April 1981. Seksyen ini terpakai kepada MDKB, sebuah kerajaan tempatan, mengikut s 16 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Rujukan juga dibuat kepada s 6 Akta Had Masa 1953, yang membekalkan had masa 6 tahun jika tindakan plaintif ini berlandaskan satu kontrak. Peguam plaintif berhujah bahawa soal pembatasan masa tidak timbul oleh kerana pemecatan kerja plaintif adalah tidak sah di sisi undang-undang dan menjadi satu pembatalan. Mengikut peguam, tindakan pemecatan itu hanya boleh disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah proviso s 16(4) Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang berbunyi:

> Provided that the reduction in rank or dismissal from office of any Head of Department or his Deputy shall not take effect until such reduction in rank or dismissal has been confirmed by the State Authority.

Rujukan juga dibuat kepada kes *Sabah Berjaya Sdn Bhd v Director General of Inland Revenue Department & Anor* [1996] 5 MLJ 366, di mana diputuskan bahawa s 2 Akta 1948 tidak terpakai jika isu pembatalan dibangkitkan dan di mana sesuatu perkara itu baru sampai ke pengetahuan pemohon, dia tidak boleh disalahkan dengan kelewatan membuat tuntutan. Dalam kes tersebut, mahkamah telah menerima penjelasan pemohon bahawa telah berlaku kelewatan oleh kerana pemohon sibuk dengan tindakannya untuk menghabiskan remedi domestik yang terbuka kepadanya.

Dalam kes ini, plaintif menyatakan bahawa dia hanya menyedari dalam bulan Disember 1989 bahawa syarat yang dikenakan kepadanya dalam surat tawaran bertarikh 21 Oktober 1978 itu adalah tidak sah. Selepas itu, pada 29 Ogos 1990 pejabat peguamnya telah menulis kepada JPA, Bahagian Perundingan memajukan rayuan plaintif (lihat eks B kand 14). Setelah rundingan diadakan pada 13 Jun 1992, pihak JPA Bahagian Perundingan pada hari yang sama, telah membuat perakuan bahawa rayuan plaintif itu tidak dapat diselesaikan secara rundingan yang diadakan di bawah peraturan 12, Peraturan-peraturan Tribunal Perkhidmatan Awam 1978 (lihat eks 'O' kand 2). Seterusnya peguam plaintif berhujah bahawa, hanya selepas keputusan tersebut dibuat, barulah plaintif memfailkan tuntutan ini, dan oleh itu, kausa tindakan plaintif adalah perkara yang berterusan sehingga plaintif menghabiskan segala remedi yang terbuka kepadanya sebagai seorang pegawai perkhidmatan awam.

Saya memutuskan bahawa tindakan penamatan perkhidmatan plaintif tidak perlu disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah s 16(4) Akta Kerajaan Tempatan 1976. Seksyen tersebut hanya terpakai kepada keadaan di mana seseorang pegawai dipecat kerja atau diturunkan pangkat, dan hal ini tidak berlaku kepada plaintif. Had masa bagi plaintif membuat tuntutannya bermula dari 30 April 1981, tarikh penamatan jawatannya. Walaupun telah dijelaskan oleh plaintif bahawa dia hanya menyedari akan anomali terhadap syarat yang ditetapkan bagi jawatannya dalam bulan

Disember 1989, saya memutuskan bahawa hakikat ini tidak memberi pelonggaran kepada perlindungan statutori yang dibekalkan di bawah s 2 Akta 1948. Plaintif tetap terikat kepada had masa tersebut dan juga had masa 6 tahun di bawah s 6 Akta Had Masa 1953, atas dasar pertalian di bawah kontrak antara plaintif dan defendan. Plaintif telah berdiam diri selama 9 tahun sebelum dia bertindak untuk menyoal tindakan defendan. Kelewatan plaintif membuat tuntutan ini memudaratkannya. Saya berpendapat, walaupun jika benar plaintif hanya menyedari tentang anomali dalam jawatannya dalam tahun 1989, ini tidak menjejas kedudukan pembatasan had masa di bawah undang-undang. Mahkamah tidak boleh menerima hujah bahawa kesedaran plaintif yang lambat itu boleh dijadikan alasan untuk tidak mematuhi peruntukan had masa undang-undang atau menjadi alasan untuk menangguh perjalanan masa itu. Had masa statutori dibekalkan agar tuntutan basi, seperti tuntutan plaintif ini, tidak dibuat di mahkamah. Ada beberapa sebab kenapa undang-undang had masa diadakan. Seperti dinyatakan dalam *Halsbury's Laws of England* (4th Ed, Reissue) di ms 407 perenggan 804, dan saya petik:

> *Policy of the Limitation Acts.* The courts have expressed at least three differing reasons supporting the existence of statutes of limitation, namely:
>
> (1) that long dormant claims have more of cruelty than justice in them;
>
> (2) that a defendant might have lost the evidence to disprove a stale claim; and
>
> (3) that persons with good causes of action should pursue them with reasonable diligence.

Peguam plaintif juga berhujah bahawa plaintif, sebagai seorang pegawai perkhidmatan awam, perlu mengambil tindakan melalui saluran-saluran tertentu sebelum tindakan di mahkamah boleh dibuat. Tindakan terakhir plaintif, kata peguam ialah untuk merujuk rayuannya kepada Tribunal Perkhidmatan Awam. Dengan hormatnya, saya fikir peguam terpelajar telah tersilap apabila dia berkata bahawa rayuan plaintif telah didengar dan diputuskan oleh Tribunal Perkhidmatan Awam ('tribunal') pada 13 Jun 1992. Sebenarnya apa yang berlaku pada hari itu ialah rundingan telah diadakan dengan JPA Bahagian Perundingan dan tiada keputusan dicapai. Tribunal ialah satu badan lain yang diperbadankan di bawah Public Service Tribunal Act 1977 ('Akta 186') bagi tujuan 'to inquire into and resolve anomalies affecting the remunerations and terms and conditions of service in the public service'. Di bawah s 11 Akta 186, seseorang yang terkilan dengan apa-apa anomali (takrif dibekalkan di bawah s 2 Akta 186, yang terpakai bagi kes plaintif), boleh merujuk anomali tersebut kepada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan rundingan. Inilah yang telah berlaku pada 13 Jun 1992 di mana pertikaian dibawa ke meja rundingan dan tidak dapat diselesaikan. Sepatutnya plaintif merujuk pertikaian itu kepada tribunal di bawah s 12 Akta 186, agar kesnya dapat dibicara dan diputuskan. Seksyen 12 berbunyi:

> Anomaly not resolved by negotiation may be referred to Tribunal within three months

A (1) Either party may refer to the Tribunal any dispute in respect of any anomaly which is not resolved by negotiation under section 11 within three months from the date the aggrieved person is served with a certificate of failure to resolve the anomaly by negotiation.

(2) Where a certificate of failure to resolve an anomaly has been issued before the coming into force of the Public Service Tribunal B (Amendment) Act 1988, the period of three months shall commence from the date of the coming into force of the Amendment Act.

(3) The period of three months prescribe in subsections (1) and (2) shall not be capable of enlargement by any court on any ground.

Plaintif telah gagal berbuat demikian. Oleh itu, mahkamah juga tidak C boleh menerima hujah bahawa plaintif telah menghabiskan remedi yang terbuka kepadanya melalui saluran-saluran tertentu. Nyata sekali dia telah gagal meneruskan tindakan yang terbuka kepadanya di bawah Akta 186 dengan cara merujuk pertikaian itu kepada tribunal yang ditubuhkan khusus untuk mendengar pertikaian seperti ini. Saya memutuskan bahawa D plaintif telah terbatas oleh had masa statutori dan tidak dapat menerima alasan yang dimajukan iaitu dia telah cuba menghabiskan remedi di forum yang lain, untuk menjelaskan kenapa dia terlewat membuat tuntutan ini.

Saya juga tidak menerima hujah peguam bahawa kausa tindakan plaintif masih berterusan selepas tarikh rundingan, 13 Jun 1992.

E Permohonan plaintif ialah untuk mendapatkan perintah deklarasi untuk menentukan haknya. Perintah deklarasi ialah satu perintah mengikut budibicara mahkamah. Jika terdapat forum alternatif yang lebih sesuai, seperti rujukan kepada tribunal bagi kes ini, mahkamah boleh memutuskan untuk tidak membenarkan deklarasi yang dipohon. Namun begitu, bagi kes ini oleh kerana isu pembatalan (nullity) penamatan perkhidmatan F plaintif telah dibangkitkan, mahkamah telah tidak bersandar kepada alasan ini sahaja untuk menolak permohonannya tanpa mendengar meritnya. Walau bagaimanapun, mahkamah juga berpandukan kepada kata-kata Raja Azlan Shah (Pemangku Ketua Hakim Negara masa itu) dalam kes *Dato Menteri Othman bin Baginda & Anor v Dato Ombi Syed Alwi Bin Syed* G *Idrus* [1981] 1 MLJ 29, yang telah menyarankan agar mahkamah berhati-hati dalam membuat deklarasi dengan berkata (di ms 31):

> The power to grant a declaration should be exercised with a proper sense of responsibility and after a full realization that judicial pronouncements ought not to be issued unless there are circumstances that properly call for their making.

H

Dalam kes itu, perlantikan Undang Luak Jelebu telah dipersoalkan sebagai tidak sah dan menjadi satu pembatalan disebabkan ia adalah ultra vires hukum adat dan perlembagaan Luak Jelebu. Mahkamah Persekutuan telah menolak permohonan untuk deklarasi atas alasan, antara lain, bahawa Dewan Keadilan (satu badan yang ditubuhkan khusus untuk menentukan I hal-hal berkaitan adat resam) adalah forum yang lebih sesuai untuk memutuskan persoalan tersebut.

Certiorari atau deklarasi?

Berkenaan hujah bagi pihak defendan bahawa permohonan untuk mendapatkan perintah deklarasi ini tidak teratur oleh kerana plaintif sepatutnya memohon untuk mendapat perintah certiorari, saya memutuskan bahawa keputusan terbaru Mahkamah Persekutuan dalam kes *Teh Guan Teik v Inspector General of Police & Anor* [1998] 3 MLJ 137, kini telah menyelesaikan persoalan pertindihan remedi deklarasi dan certiorari dengan keputusannya bahawa kedua-dua remedi adalah 'not mutually exclusive and are concurrent remedies'. Oleh itu, tidak timbul lagi persoalan yang mahkamah ini tidak mempunyai bidang kuasa disebabkan kegagalan plaintif untuk memohon remedi certiorari.

Sebagai rumusan secara ringkas, adalah diputuskan bahawa:

(1) Penamatan perkhidmatan plaintif bukan satu pemecatan dan tatacara di bawah perkara 135(2) Perlembagaan Persekutan tidak terpakai bagi kes ini;

(2) Penetapan syarat-syarat bagi jawatan yang ditawarkan kepada plaintif adalah satu prerogatif pengurusan yang sah dan tidak ultra vires mana-mana peraturan;

(3) Plaintif terikat kepada syarat-syarat yang dikenakan di bawah kontrak pekerjaannya dengan defendan;

(4) Plaintif ditamatkan perkhidmatannya oleh kerana dia gagal memperolehi kelulusan yang ditetapkan oleh syarat kontrak pekerjaan yang telah diterima olehnya; dan

(5) Plaintif telah terbatas oleh had masa statutori dalam membuat tuntutan ini.

Permohonan ini ditolak dengan kos.

Permohonan ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh Loo Lai Mee